

THE UNIVERSITY OF CHICAGO
DEPARTMENT OF CHEMISTRY
5800 S. UNIVERSITY AVENUE
CHICAGO, ILLINOIS 60637

RESEARCH ASSISTANT

APPLY TO: DR. J. K. STILLE
DEPARTMENT OF CHEMISTRY
5800 S. UNIVERSITY AVENUE
CHICAGO, ILLINOIS 60637

2

**AMALAN DAN FAKTOR PENGAMBILAN SUSU ISIAN
PEKAT MANIS MELALUI MINUMAN DI KALANGAN
PELAJAR-PELAJAR SARJANA MUDA DI IPTA
DAN INSTITUT PERGURUAN
DI KUALA TERENGGANU**

MUHAMMAD AMIN BIN BUJANG

**PROJEK ILMIAH yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat
memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Makanan
(Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan)**

**FAKULTI AGROTEKNOLOGI DAN SAINS MAKANAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
MENGABANG TELIPOT
2007**

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh: 25 Jun 2007



MUHAMMAD AMIN BIN BUJANG
UK 10241

Disahkan oleh,

Tarikh:

EN. AZIZ BIN YUSOF
(Penyelia)

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya kajian ini dapat disiapkan dengan sempurna. Kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak di dalam menjayakan kajian ini.

Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya iaitu En. Aziz bin Yusof yang amat berdedikasi untuk memberi tunjuk ajar, bimbingan dan motivasi kepada saya tanpa mengenal erti jemu. Terima kasih juga kepada semua pensyarah di Jabatan Sains Makanan Universiti Malaysia Terengganu.

Terima kasih juga kepada rakan-rakan saya yang membantu ketika menjalankan kaji selidik dan memberi tunjuk ajar kepada saya.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih saya kepada kedua ibu bapa saya En. Bujang bin Othman dan Pn. Shahariah bt. Idris atas dorongan dan bantuan kewangan yang tidak terkira banyaknya.

Segala bentuk bantuan yang diberikan akan saya hargai dan ingati buat selama-lamanya.

AMALAN DAN FAKTOR PENGAMBILAN SUSU ISIAN PEKAT MANIS MELALUI MINUMAN DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR SARJANA MUDA DI IPTA DAN INSTITUT PERGURUAN DI KUALA TERENGGANU

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi meninjau amalan dan faktor pengambilan susu isian pekat manis melalui minuman di kalangan pelajar-pelajar sarjana muda di IPTA dan institut perguruan di Kuala Terengganu. Susu isian pekat manis yang juga dikenali masyarakat sebagai susu pekat manis mempunyai kandungan gula yang tinggi dan tergolong dalam kumpulan *glycaemix index* yang tinggi. Pelbagai masalah kesihatan akan timbul jika susu isian pekat manis diambil secara berlebihan dan tidak terkawal seperti obesiti dan diabetes. Setakat ini, amat kurang kajian yang dijalankan tentang pengambilan susu isian pekat manis di kalangan pelajar universiti. Kajian yang berbentuk diskriptif ini menggunakan instrumen kajian berbentuk borang soal selidik yang dijawab oleh 301 responden yang terpilih daripada kursus sarjana muda di Universiti Malaysia Terengganu (45%), Universiti Darul Iman (17.9%) dan Institut Perguruan Kuala Terengganu (36.9%). Pemilihan responden adalah berdasarkan teknik *stratified random sampling* manakala pengumpulan data menggunakan teknik *personally administered questionnaire*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 47.2% responden mengambil susu isian pekat manis melalui minuman yang berjumlah sebanyak 1575mL dalam seminggu. Faktor pengambilan minuman dengan susu isian pekat manis di kalangan responden adalah kerana keenakkan minuman tersebut (27.9%), pengaruh keluarga (26.6%), kurang minuman yang menggunakan susu jenis lain (17.3%), harga yang murah (9.3%), pengaruh media (6.6%), gaya hidup (6.6%) dan terdorong dengan perlakuan rakan (5.6%). Tahap pengetahuan responden mengenai pengambilan susu isian pekat manis melalui minuman berada pada tahap yang memuaskan di mana hampir separuh daripada responden mendapat pencapaian pada tahap baik atau (42.9%). Tiada perbezaan signifikan didapati antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap tahap pengambilan susu isian pekat manis melalui minuman ($t = 1.794, p = 0.256 > 0.05$). Sebagai kesimpulan, tahap pengambilan susu isian pekat manis melalui minuman di kalangan pelajar sarjana muda di IPTA dan institut perguruan di Kuala Terengganu tidaklah membimbangkan kerana hanya 47.2% daripada responden secara purata mengambil 225mL minuman tersebut dalam sehari dan ini hanya mewakili 6.2% daripada keperluan tenaga harian purata lelaki dan perempuan berdasarkan *Malaysian RDA*.

CONSUMPTION OF SWEETENED CONDENSED FILLED MILK DRINKS AND FACTORS THAT CONTRIBUTE TO IT'S INTAKE AMONG 1ST DEGREE UNIVERSITIES AND A TEACHERS' TRAINING INSTITUTE STUDENTS IN KUALA TERENGGANU

ABSTRACT

This study was carried out to understand consumption of sweetened condensed filled milk through drinks among students in institute of higher learning in Universities and teachers colleges in Kuala Terengganu. Sweetened condensed filled milk was also known as sweetened condensed milk which contained high sugar content thus recognized as having high glycaemic index. Uncontrolled consumption of sweetened condensed filled milk drinks could cause many health problems such as obesity and diabetes. There were limited studies done about sweetened condensed filled milk consumption including in Malaysia. The research design used was descriptive and stratified random sampling was employed. The research involved 301 samples from Universiti Malaysia Terengganu (45.2%), Universiti Darul Iman (17.9%) and Institut Perguruan Kuala Terengganu (36.9%). The instrument used was in the form of questionnaire and they were used to collect data using personally administered questionnaire technique. From the analysis conducted, there were 47.2% of the respondents consumed at least 1575mL of sweetened condensed filled milk drinks per week. Factors that contributed to sweetened condensed filled milk drinks intake were due to taste (27.9%), family influence (26.6%), availability (17.3%), inexpensive nature of sweetened condensed filled milk drinks (9.3%), mass media influence (6.6%), lifestyle (6.6%) and friends influence (5.6%). Significant amount of the respondents (42.9%) possessed good knowledge level of sweetened condensed filled milk while 40.8% fell into the moderate knowledge level category. The rest (16.3%) were within the weak knowledge level. Result from the independent samples t-test indicated that there was no significant differences existed between male and female samples in their weekly intake of sweetened condensed filled milk drinks ($t = 1.794$, $p = 0.256 > 0.05$). In a nut shell, sweetened condensed filled milk consumption levels among 1st degree universities and teachers' training institute in Kuala Terengganu could be considered as moderate and not as alarming as previously thought. This was because only 47.2% of the respondents obtained on average 225mL of sweetened condensed filled milk per day and that amount totaled to 1575mL per week. This amount contributed only 6.2% of daily energy requirement average for male and female according to the Malaysian RDA.